



FACULTY OF LIBERAL ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) :

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : _____

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**
 Semester & Year : January – April 2022
 Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain
 Duration : 2 Hours

INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. This question paper consists of 2 parts:
 - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be shaded in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
 - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks
 SOALAN 2 – Tatabahasa
 SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
 Answers are to be written in the Answer Booklet provided.
2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

WARNING: The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students' Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

Total Number of pages = 12 (Including the cover page)

SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)

Petikan (i)

Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Ricky seorang anak yang baik. Pada hari Ahad minggu lepas, Ricky membawa Fuad ke balai polis. Duit Fuad telah dicuri iaitu sebanyak RM1300.00. Fuad menangis kerana dia mahu guna duit itu untuk membayar yuran. Fuad ialah anak orang miskin. Ricky dan Fuad telah membuat aduan di balai polis. Ricky memberitahu bapanya tentang hal itu. Bapa Ricky berjanji akan membantu Fuad. Bapa Ricky telah membantu Fuad membayar yuran kolej dan memberikan Fuad sebanyak RM1500.00. Encik Mike sangat kaya. Dia suka membantu orang lain. Fuad sangat gembira dan berterima kasih kepada Ricky dan bapanya. Dia boleh belajar seperti biasa.

1. Apakah yang terjadi kepada Fuad? **(2 markah)**
2. Berapakah baki wang selepas Fuad membayar yuran kolej? **(2 markah)**
3. Siapakah Encik Mike? **(2 markah)**
4. Pada pendapat anda, apakah **DUA (2)** sikap yang boleh dicontohi dalam petikan di atas? **(4 markah)**

Petikan (ii)

Baca petikan perbualan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Sudah pukul 10.00 pagi. Airin tidak datang ke kolej lagi. Kelas bahasa Melayu akan bermula. Michael terus menelefon Airin.

- Michael : Selamat pagi, Airin. Kenapa kamu tidak datang ke kelas?
Airin : Selamat pagi. Saya tidak sihat. Saya demam panas dan batuk.
Michael : Oh, adakah awak sudah pergi ke klinik?
Airin : Belum. Saya tunggu ibu saya pulang. Ibu saya akan bawa saya ke klinik.
Michael : Kalau begitu, baiklah. Awak tinggal di rumah dengan siapa?
Airin : Seorang sahaja.
Michael : Seorang? Saya sangat risau. Awak mahu saya pergi ke rumah awak?
Airin : Eh, tidak perlu.
Michael : Baiklah. Nanti awak boleh ambil nota daripada saya. Jangan lupa bawa surat doktor untuk diberikan kepada Cikgu Azizah nanti.
Airin : Awak begitu baik hati. Tolong beritahu Cikgu Azizah. Terima kasih.
Michael : Baiklah. Awak makan ubat dan jaga diri.

1. Apakah jenis perbualan tersebut? **(2 markah)**
2. Apakah **EMPAT (4)** pesanan yang disampaikan oleh Michael kepada Airin? **(4 markah)**
3. Nyatakan **DUA (2)** sikap Michael yang patut kita contohi. **(4 markah)**

SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)

*Bahagian ini mengandungi **DUA (2)** soalan **WAJIB** dijawab. Tuliskan jawapan anda di atas kertas jawapan yang disediakan.*

(a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini.

- I. duduk
- II. berdiri
- III. masuk
- IV. pergi
- V. keluar

(10 markah)

(b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Inggeris.

Hai, gembira berjumpa kamu! Nama saya Helen. Saya baru pindah ke Kuala Lumpur. Saya berasal dari Melaka. Saya tinggal bersama dengan mak cik saya di sini. Mak cik saya bernama Margenta. Dia seorang suri rumah. Mak cik saya sangat cantik dan pandai memasak. Mak cik saya sudah berkahwin dan ada lima orang anak. Mereka sudah bekerja.

(20 markah)

SOALAN 3– KARANGAN (20 MARKAH)

Bahagian ini terdiri daripada **DUA (2)** soalan. Jawab **SATU (1)** soalan sahaja. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tuliskan aktiviti yang kamu lakukan pada waktu lapang.

ATAU

2. Ceritakan mengenai tempat-tempat menarik di Malaysia.

SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT